

25.6.2020

SIARAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
 CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PROJEK PEMBESARAN EMPANGAN MENGKUANG: PULAU PINANG MASIH MENUNGGU KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK SIAPKAN SEMUA FASA

Kerja-kerja tertunggak:

- **Fasa 2B: Pemasangan saluran paip sepanjang 7km dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua.**
- **Fasa 2C: Pembinaan Stesen Pam Lahar Yooi 440MLD.**

PULAU PINANG, Khamis, 25.6.2020: Pulau Pinang masih menunggu Kerajaan Persekutuan untuk menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP).

Walaupun begitu, PBAPP telah menasihati Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menerima penyerahan Empangan Mengkuang secara bersyarat, iaitu jika Kerajaan Persekutuan mengesahkan komitmennya untuk menyelesaikan dan memulakan operasi Fasa 2B dan 2C MDEP.

Empangan telah diperbesarkan. Walau bagaimanapun, pembesaran empangan mewakili hanya 1 daripada 4 fasa utama MDEP yang berfungsi. Tanpa pengoperasian baki 2 fasa, MDEP tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai penyelesaian strategik kemarau Pulau Pinang.

Jadual berikut menggariskan status kerja untuk setiap fasa:

Fasa	Kos	Status
1	RM607 juta	Siap pada 10.4.2017.
		Pembesaran Empangan Mengkuang dan kerja-kerja yang berkaitan, untuk meningkatkan kapasiti simpanan air mentah maksimum daripada 22 bilion liter (BL) kepada 73.5BL.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Fasa	Kos	Status
<p>2A</p> <p>Menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong dan kerja-kerja berkaitan untuk meningkatkan kapasiti pengepaman air mentah (daripada 200 juta liter sehari atau MLD, kepada 400MLD).</p> <p>Rumah pam ini dibina untuk mengepam air mentah dari Sungai Kulim untuk mengisi Empangan Mengkuang.</p>	<p>RM63.5 juta</p>	<p>Siap pada 28.9.2017.</p>
<p>2B</p> <p>Pemasangan saluran paip keluli lembut berdiameter 1.6-meter sepanjang 7km dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua Canal untuk menaik taraf kapasiti penyaluran air mentah daripada 300 MLD kepada 600 MLD.</p> <p>Fasa ini sangat penting untuk membolehkan penyaluran lebih banyak air mentah dari empangan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua pada musim kemarau.</p>	<p>RM100 juta (anggaran)</p>	<p>Tertunggak. Ketika mesyuarat pada 2/4/2018, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan fasa ini.</p> <p>Dijangka siap pada 2022.</p>
<p>2C</p> <p>Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi 440 MLD dan kerja-kerja berkaitan.</p> <p>Fasa ini penting untuk mempercepat pengisian semula empangan, dengan mengepam lebih air mentah dari Sungai Muda</p>	<p>RM80 Juta (anggaran)</p>	<p>Tertunggak. Ketika mesyuarat pada 2/4/2018, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan fasa ini.</p>

	pada musim hujan.		
--	-------------------	--	--

Fungsi Terhadap

Sehingga 24.6.2020, kapasiti efektif Empangan Mengkuang adalah 84.5%. Simpanan efektif adalah 67,654 juta liter air.

- Tanpa saluran paip Fasa 2B, jumlah maksimum air yang boleh dilepaskan dari empangan setiap hari adalah terhadap kepada 300 juta liter sehari (MLD).

Purata penggunaan air harian Pulau Pinang adalah 843 MLD pada tahun 2019. Oleh itu, 300 MLD tentu tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan air terawat di Pulau Pinang semasa senario darurat kemarau.

- Fasa 2C Rumah Pam Lahar Yooi masih belum dibina.

Selain itu, dalam mesyuarat pada 2.4.2018 Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membina baraj baharu RM100 juta sepanjang Sungai Muda, di Rantau Panjang. Baraj baharu ini akan menggantikan baraj berusia 47 tahun sedia ada. Tujuannya adalah untuk mencegah kemasukan air laut, dan juga untuk membantu mengekalkan paras air sungai yang optimum semasa musim kemarau.

Penyerahan Bersyarat

Perlu diingatkan bahawa MDEP adalah projek Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2011, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk membiayai dan melaksanakan MDEP, sesuai dengan perjanjian yang ditandatangani oleh Pulau Pinang ketika migrasi kepada Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Nasional (NWSRI).

MDEP bertujuan untuk menyediakan penyelesaian meluas dan komprehensif strategik musim kemarau kepada Pulau Pinang, untuk mengurangkan risiko perubahan iklim dan peningkatan permintaan air.

Sungguhpun kapasiti Empangan Mengkuang telah ditingkatkan, pelepasan maksimum masih lagi 300 MLD dan kita masih belum lagi dapat mengisinya semula dengan cepat.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Walaupun begitu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia menerima penyerahan Empangan Mengkuang secara bersyarat.

PBAPP telah menghantar surat rasmi kepada Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), bertarikh 25.3.2020, menggariskan syarat-syarat untuk penyerahan bersyarat berkenaan.

Pengurusan Risiko

Rasional utama untuk penyerahan bersyarat adalah “pengurusan risiko.”

Dalam tempoh 1.9.2019 – 1.3.2020, PBAPP mencatatkan kekurangan hujan sebanyak 61.8% di kawasan tadahan Empangan Air Itam, dan 49.8% di kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang (berbanding 3 tahun sebelumnya). Ini mencerminkan impak perubahan iklim di Pulau Pinang dan merupakan ancaman terhadap keselamatan bekalan air.

Oleh itu, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah sangat rendah, masing-masing pada 46.5% dan 24.2% pada 24.6.2020.

Pada musim kemarau baru-baru ini, PBAPP melepaskan air dari Empangan Mengkuang tetapi terhad kepada 300 MLD sahaja.

Kerajaan Persekutuan mesti menyelesaikan dan memulakan operasi 2 fasa MDEP yang tertunggak, seperti yang ditetapkan, agar MDEP dapat berfungsi sepenuhnya sebagai simpanan strategik kemarau Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



Mengkuang Dam is the largest dam in Penang and serves as a strategic drought reserve.